

Pelaburan kukuh mampu lonjak ekonomi serantau

METRO Business 08/07/2010

PELUANG pelaburan kukuh di Asia Tenggara membabitkan komoditi pertanian dijangka mempengaruhi faktor peningkatan kelas pertengahan di China.

Ketua CIMB Private Banking Malaysia, Carolyn Leng (*gambar*) berkata, negara terbesar Asia itu kini mengalami pertumbuhan memberangsangkan dari aspek ekonomi yang menyebabkan kuasa membeli kian meningkat.

"Ia sekali gus memberi kesan positif kepada ekonomi serantau terutama kelas pertengahan yang memacu perbelanjaan pengguna," katanya ketika Persidangan Fokus Asia Tenggara - 2010 dan Masa Depan di Kuala Lumpur, semalam.

Persidangan itu turut membincangkan penilaian prospek pelaburan bagi Asia Tenggara terutama di Indonesia melalui kitaran komoditi dan peluang di Thailand selepas berakhirnya ketidaktentuan politik



di negara itu.

"Pemulihan ekonomi di Asia Tenggara dan prospek pertumbuhan positif juga membuka peluang pelaburan yang banyak dengan gabungan Keluaran Dalam Negara Kasar Produk Kasar kira-kira RM4.8 trilion dan kadar pertumbuhan 12 peratus setahun sejak sembilan tahun terakhir membantu melonjakkan ekonomi serantau," katanya.